PERBADANAN ASET KERETAPI

RAILS

Julai - September 2022

TAHNIAH KLUANG RAIL COFFEE

Tahniah kepada Kluang Rail Coffee yang telah mendapat pengiktirafan sebagai **The Oldest Kopitiam in Malaysia** oleh Malaysia Book of Records pada 18 Julai 2022.

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah dan Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, En Mohd Rani Hisham Samsudin hadir sebagai tetamu kehormat bagi menyaksikan sesi penyerahan sijil tersebut. Kluang Rail Coffee yang terletak di Stesen Keretapi Kluang (lama) merupakan penyewa RAC.

Kedai kopi tersebut menjadi antara lokasi tarikan pelancong di daerah ini dan kini telah menggembangkan perniagaannya di beberapa cawangan.

Selamat Maju Jaya dan semoga kerjasama yang terjalin sebagai pelanggan kami akan berterusan pada masa-masa akan datang.

LAWATAN LEMBAGA PENGARAH RAC KE IPOH

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) YBhg. Datuk Isham Ishak mengadakan lawatan ke beberapa lokasi di Ipoh sempena Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-107 pada 29 Jun 2022.

Antara lokasi yang dilawati adalah:

- Lot 75886 dan 75887, Bandar Ipoh, Daerah Kinta;
- Stesen Keretapi Ipoh;
- Hotel Majestic; dan
- Falim

Turut hadir barisan ahli-ahli lembaga pengarah RAC yang lain iaitu YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed dan YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching. Hadir sama Pengurus Besar En Adam bin ABu Hanipah dan pihak pengurusan RAC.

RAC SERTAI RTX 2022

Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama National Rail Centre of Excellence (NRCOE) dan Malaysia Rail Industry Corporation (MARIC) serta Technology Depository Agency Berhad (TDA) telah menganjurkan Pameran Rail Technology Expo 2022 (RTX 2022) di Stesen KL Sentral.

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab sebagai pemilik, pengurus dan perancang perniagaan kepada aset-aset kereta api turut dijemput untuk menyertai pameran yang diadakan pada 11 hingga 14 Ogos 2022 sebagai pempamer.

Ekspo yang julung kalinya diadakan itu bertujuan memberi kesedaran berhubung pembangunan dan teknologi rel terkini, mempromosi keupayaan dan kapasiti industri rel tempatan, melebarkan rangkaian perniagaan di antara pihak berkepentingan selain memperkenalkan kepakaran dan kebolehan industri rel tempatan.

Pada hari ketiga penganjuran expo ini telah diadakan Mini Pameran Kerjaya bagi menarik golongan belia menyertai sektor pengangkutan sebagai kerjaya pilihan.

Sebanyak 1,000 peluang pekerjaan daripada 12 syarikat gergasi berlatar belakangkan sektor pengangkutan antaranya Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Mass Rapid Transit (MRT) Corp., Prasarana (M) Berhad, Malaysia Rail Link (MRL) Sdn. Bhd., Express Rail Link (ERL) Sdn. Bhd., TASCO Berhad dan Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn. Bhd telah mengambil bahagian.

Seramai lebih daripada 600 pengunjung yang terdiri daripada golongan belia telah hadir bagi mencari peluang pekerjaan dalam sektor pengangkutan.

WARGA RAC TURUN PADANG SALUR BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI BALING, KEDAH DENGAN KERJASAMA YAYASAN FOOD BANK MALAYSIA

Fenomena kepala air yang berlaku pada 4 Julai 2022 di Baling, Kedah telah menyebabkan berlakunya banjir besar yang memusnahkan 11 buah kampung, menyebabkan tiga (3) kematian serta beratus-ratus lagi penduduk hilang tempat tinggal.

RAC melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah mengaktifkan kutipan sumbangan bagi membantu mangsa banjir di Baling, Kedah.

Program ini yang dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia mempelawa semua warga RAC untuk menghulurkan derma melalui nombor akaun 5660 1063 0584.

Selain itu, RAC turut menghulurkan bantuan berjumlah RM10,000 berbentuk barangan keperluan rumah dan penjagaan diri untuk diagih-agihkan kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat

Program ini merupakan kali kedua dilaksanakan RAC selepas Misi Darurat Selangor yang dijayakan bagi membantu kakitangannya yang terjejas akibat banjir besar yang melanda beberapa daerah di Selangor pada akhir 2021.

Sendiri kita dapat melakukan begitu sedikit, bersama-sama kita dapat melakukan banyak hal.
- Helen Keller -

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA PENGARAH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN BINCANG ISU CUKAI HARTA TEKNIKAL RAC

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah bersama delegasi RAC telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan YBhg. Hj. Dato' Noor-Ihsan Hj Che Mat di pejabatnya.

Pertemuan tersebut diadakan bagi membincangkan penyelesaian kadar Cukai Taksiran / Sumbangan Membantu Kadar ke atas harta teknikal milik RAC. Harta teknikal dikategorikan sebagai stesen kereta api, depoh, platform, setor dan gudang.

Turut hadir semasa kunjungan hormat ini adalah Pengurus Kanan Hartanah, En Nik Massidee bin Nik Harun, Pegawai Undang-Undang RAC, En Mohd Faiz bin Mat Zin dan Pegawai Tadbir Tanah, En Mohd Fakrulrazi bin Samsudin.

Sekiranya anda bekerja untuk sesuatu yang anda betul-betul mahukan, ia tak akan buatkan anda tertekan.

LAWATAN KE FASILITI DEPOH SENTUL

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah mengadakan lawatan tapak ke Fasiliti Depoh Sentul pada 12 Julai 2022.

Lawatan tersebut diadakan bagi meninjau keadaan dan kemudahan fasiliti sedia ada di depoh tersebut dan seterusnya membincangkan isu-isu penyenggaraan stok kereta oleh pihak KTMB dan pihak CKM Landas Malaysia iaitu syarikat yang dilantik sebagai kontraktor penyelenggaraan stok kereta.

Delegasi RAC disambut oleh Ketua Pegawai Teknikal KTMB, En. Ir. Ahmad Nizam Mohamed Amin.

LAWATAN KERJA KE SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah bersama delegasi telah melakukan kunjungan hormat ke Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) pada 1 Ogos 2022.

Delegasi RAC telah disambut oleh Pengurus Besar SPPP iaitu YBrs. Pn Monaliza Suhaimi dan barisan pihak pengurusannya. Lawatan ini juga adalah sebagai kunjungan balas kepada pihak SPPP yang telah mengadakan lawatan ke RAC pada 30 Disember 2021.

Selain taklimat organisasi, delegasi RAC turut dibawa melawat ke Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT).

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-30 PENUBUHAN RAC

Pada 5 Ogos 2022, warga kerja RAC telah menyambut ulang tahun penubuhan organisasi ini yang ke-30 dan juga Sesi Townhall Bil 2/2022.

Majlis yang amat bermakna ini telah dimulakan dengan ucapan amanat oleh Pengurus Besar RAC En. Adam bin Abu Hanipah diikuti dengan penyampaian hadiah kepada tiga (3) pemenang mencipta logo ulang tahun RAC. Logo ciptaan Puan Nida Afiqah binti Rosman telah dipilih sebagai pemenang pertama.

Seterusnya adalah pelancaran Kejohanan Sukan KSKRAC 2022 yang menyaksikan warga kerja RAC akan dibahagikan kepada empat (4) rumah sukan sempena penganjuran Hari Sukan Negara 2022 yang akan disambut pada 7 hingga 9 Oktober 2022. Beberapa acara sukan akan dipertandingkan antaranya futsal, badminton, boling dan permainan tradisional seperti congkak.

Majlis diakhiri dengan sesi ceramah oleh Ustaz Haslin Baharin bertajuk Pekerja Hebat, Gaji Pun Berkat.

PENGURUS BESAR RAC LAWAT KUARTERS KTMB DI PERAI , PULAU PINANG

Pengurus Besar RAC, En. Adam bin Abu Hanipah menyertai lawatan kerja Pengerusi KTMB YBhg. Datuk Musa Hj Sheikh Fadzir ke Kuarters KTMB Perai, Pulau Pinang pada 5 Ogos 2022.

Lawatan tersebut diadakan bagi meninjau keadaan kuarters kakitangan KTMB yg mengalami kerosakan terutama di bahagian bumbung dan tangki air. Beliau kemudiannya menyertai sesi ramah mesra bersama wakil daripada Persatuan Penduduk Kuarters Perai.

RAC TERIMA LAWATAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah telah menerima Kunjungan Hormat Majlis Perbandaran Jempol (MPJ) yang diketuai Yang Dipertua MPJ, YM Raja Norazli Raja Nordin pada 25 Julai 2022. Turut hadir Setiausaha MPJ iaitu Puan Zarina Jahya, Ahli-ahli Majlis serta pihak pengurusan MPJ.

Selain menerima taklimat organisasi, beberapa isu berkaitan tanah dan aset kereta api di daerah itu turut dibincangkan.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PENGARAH PTG WILAYAH PERSEKUTUAN

Pada 29 Julai 2022, Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah telah melakukan kunjungan hormat ke atas Pengarah Tanah & Galian Wilayah Persekutuan YBhg. Datuk Muhammad Yassir Yahya di pejabatnya.

Kunjungan hormat itu bagi membincangkan permohonan beberapa pemberimilikan tanah rizab kereta api agar dapat diberi pertimbangan sewajarnya.

ISU SETINGGAN TANAH KERETA API DI BATU ARANG SELESAI CARA BERHEMAH

RAC GUNA PENDEKATAN DIPLOMASI

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah menghadiri sesi perbincangan dan penerangan bersama YBhg. Datuk Goh Ah Ling, Pengerusi MCA Bhg Selayang dan Tuan Chan Wun Hoong, Ketua Pemuda MCA Selangor mengenai Program Pemutihan Setinggan yang telah dilaksanakan RAC baru-baru ini di kawasan Sg Buloh - Batu Arang.

Perbincangan tersebut berjaya mencapai kata sepakat untuk menangguhkan pengenaan kadar sewaan kepada penduduk yang menduduki tanah kereta api di kawasan itu.

RAC sentiasa mengamalkan tindakan berhemah dan bertimbang rasa dalam menangani isu setinggan terutamanya yang melibatkan setinggan kediaman dengan memberi peluang kepada proses rundingan. Sepanjang 30 tahun penubuhan RAC, tiada sebarang aktiviti pengusiran tanpa alasan yang kukuh dilakukan oleh RAC sehingga kini.

Turut hadir pada pertemuan tersebut adalah Tuan Hj Azman Yusoff, Setiausaha UMNO Bahagian Selayang, Tuan Sivanyanem, Setiausaha MIC Bahagian Selayang dan Pengerusi JPKKP Batu Arang, Tuan Hj. Misri Shuif.

KENYATAAN AKHBAR I 1

RAC

1/3

PERBADANAN ASET KERETAPI GUNA PENDEKATAN BERHEMAH, TIDAK U
PENDUDUK SETINGGAN TAMAN DAMAI BATU ARANG

SEPANG, 9 Ogos 2022 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menafikan bahawa pihaknya akan mengusir penduduk Taman Damai Batu Arang ekoran menduduki tanah rizab kereta api tanpa kebenaran yang sah seperti mana yang dilaporkan akhbar Sinar Harian pada 8 Ogos 2022. Sebaliknya, notis yang diterima penduduk tersebut merupakan sebahagian daripada proses dalam Program Pemutihan Setinggan yang dibuat Perbadanan ini bagi menangani isu pendudukan tidak sah di atas tanah kereta api.

Untuk makluman, Program Pemutihan Setinggan telah dilaksanakan RAC sejak tahun 2012. Pada 22 Mei hingga 8 Ogos 2022, program ini telah dilaksanakan di kawasan Sungai Buloh - Matang Pagar – Rawang – Kuang – Kundang - Batu Arang (melibatkan tanah kereta api) bertujuan untuk memberikan kebenaran pendudukan secara sah melalui kaedah sewaan kepada 389 buah struktur di kawasan itu yang membabitkan setinggan kediaman dan komersial (peniaga) sedia ada.

Pelaksanaan program ini adalah rentetan daripada *task force* yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) iaitu Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), yang mendapati kebanyakkan aktiviti komersial di bawah Pentadbirannya menduduki tanah kereta api tanpa kebenaran RAC. Keadaan ini menyebabkan peniaga-peniaga tersebut tidak mempunyai lesen perniagaan. Sehubungan itu, bagi menyelesaikan isu ini, Program Pemutihan Setinggan telah dilaksanakan RAC.

Pemberian notis pentadbiran dan borang sewaan adalah prosedur biasa yang dipraktikan RAC bagi struktur yang didirikan secara tidak sah di atas tanah kereta api. Notis tersebut adalah sebagai satu pemakluman kepada pemilik bahawa tindakan mendirikan struktur di atas tanah rizab kereta api tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan undang-undang. Justeru itu, melalui program pemutihan yang dijalankan, penduduk dapat menduduki tapak tersebut secara sah.

Lanjutan daripada program ini, pada 21 Jun 2022, RAC telah mengadakan perbincangan secara bersemuka bersama YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang termasuk perjumpaan bersama penduduk Kampung Bunga Raya pada 22 Julai 2022. Hasil pertemuan tersebut, kebanyakkan penduduk bersetuju untuk

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)
Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuh IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang |Selangor Darul Ehsan | Malaysia
Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222
Facebook | Twitter | Instagram : Railway Assets Corporation
WhatApps : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: www.rac.gov.my

KENYATAAN AKHBAR I 2

angan mengenai syarat sewaan
ngkitkan isu pengurangan kadar
ngan mengambilkira keadaan
n rendah.

beberapa pemimpin masyarakat
agi mencari penyelesaian isu ini
a ini melibatkan soal kebajikan

dan bertimbang rasa dalam
a setinggan kediaman dengan
ang 30 tahun penubuhan RAC,
sehingga kini.

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

RAC SERTAI KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG KELUARGA MALAYSIA

Pengurus Besar RAC, En Adam Abu Hanipah memasang bendera Jalur Gemilang pada kenderaan jabatan sempena Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang "Keluarga Malaysia Teguh Bersama" Peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT) 2022.

Majlis yang dirasmikan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak, barisan pengurusan tertinggi MOT, jabatan dan agensi.

RAC turut menghantar dua (2) buah kenderaan untuk menyokong menjayakan program ini.

RAC SELESAI BANGUNKAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN 2021-2025 BERSAMA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN MAMPU

Kementerian Pengangkutan, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Jabatan Laut Malaysia telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) masing-masing bagi tempoh 2021 - 2025 dengan kerjasama Unit Pemodenan dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Pembangunan PSP ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang menjadi panduan kepada agensi Sektor Awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang Mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

PSP yang dibangunkan ini menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan bagi merealisasikan agenda pendigitalan sektor pengangkutan.

Pelan ini penting bagi memastikan perancangan berasaskan teknologi maklumat dapat direalisasikan dan memberi impak yang baik kepada pelanggan dan pemegang taruh.

Majlis Penyerahan Projek (Sign Off) PSP ini telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan MOT yang juga Ketua Pegawai Digital YBhg. Dato' Razali Mohamad dan Perunding ICT, MAMPU Puan Siti Safura Raffee sebagai simbolik telah selesai khidmat rundingan Pasukan MAMPU.

RAC telah diwakili oleh Pengurus ICT Ts. Akhmal Hisham bin Mohd Mishani yang menanggung tugas sebagai Pegawai Digital dan JLM diwakili oleh Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Encik Raja a/l Chinaya.

RAC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PENGURUSAN AIR BERHAD

Pengurus Besar RAC, En. Adam Bin Abu Hanipah menerima kunjungan hormat daripada Perbadanan Pengurusan Air Berhad dan IInfra Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Urusan Y.M Tengku Hishammuddin Zaizi Bin Y.A.M Bendahara Azman Shah Alhaj.

Kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan permohonan tumpang lalu bagi laluan paip air Projek Loji Rawatan Air Langat 2 selain untuk mengetahui peranan dan fungsi RAC.

Orang yang berjaya dalam hidup adalah orang yang nampak tujuannya dengan jelas dan menjurus kepadanya tanpa menyimpang – Cecil B.Demille

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE-65

WARGA RAC SERTAI PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KE-65

Seramai tiga (3) warga kerja RAC telah dipilih untuk turut serta dalam perarakan sempena Hari Kebangsaan 2022. Penyertaan warga RAC dalam perarakan ini adalah di bawah kontigen Kementerian Pengangkutan dan PUSPANITA Kebangsaan.

Kontigen Kementerian Pengangkutan telah diumumkan menduduki tempat kedua dalam Pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan 2022 pada Majlis Apresiasi Program Keceriaan dan Perbarisan Hari Kebangsaan 2022 Antara Kementerian bersama Ketua Setiausaha Negara.

KERJA-KERJA MENGECAT DAN MENYELENGGARA STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR SEMPENA HARI MERDEKA

Kerja-kerja mengecat dan menyelenggara bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur atau KLO telah dilaksanakan oleh RAC sempena perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2022.

Kawasan hadapan bangunan ikonik ini menjadi sebahagian daripada laluan perarakan pada sambutan yg dihadiri hampir 100 ribu pengunjung.

STESEN TAMAN WAHYU DIHIASI LUKISAN MURAL SEMPENA HARI MERDEKA & MALAYSIA

Pengurus Besar RAC, En Adam bin Abu Hanipah turun padang ke Stesen Keretapi Taman Wahyu untuk mengecat lukisan mural bersama-sama warga kerja RAC .

TAHNIAH

Barisan Ahli Lembaga Pengarah, Pengurus Besar serta seluruh warga kerja RAC mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC di atas penganugerahan Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M) sempena ulang tahun Ke-73 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka.